

Cabutan

Belia adalah mempunyai tenaga untuk mempertahankan negara, dan belia juga mempunyai tenaga untuk merosakkan negara, sekiranya mereka diperalatkan oleh golongan-golongan yang bertujuan buruk. – A. Shuib (Pemangku Menteri Besar Selangor).

*

Dulu semasa saya meletakkan jawatan dari menjadi Ketua Menteri Melaka orang mengatakan saya turun pangkat, sekarang bila Tengku Perdana Menteri melantik saya menjadi salah seorang anggota kabinet adalah pula orang-orang yang mengatakan saya telah naik pangkat. Dalam berpolitik soal naik atau turun pangkat padanya tidak ada. Saya adalah manusia biasa yang akan terus bekerja untuk membela kepentingan rakyat jelata terutama mereka-mereka yang mesti ditinggikan taraf hidupnya. – Senator Ghafar Baba.

*

Dalam mengerjakan berbagai-bagai ibadah terhadap Allah, tiap-tiap umat Islam janganlah mencuaikan soal penghidupan, bekerja dan berusahalah mencari harta kekayaan dengan sebaik-baiknya, kerana harta kekayaan itu menjadi daya utama bagi meninggikan taraf hidup tiap-tiap manusia di dunia ini, dan menjadi alat penting yang dapat melaksanakan berbagai-bagai amalan kebajikan terhadap masyarakat. – Sultan Kedah.

*

Kita adalah sentiasa menyokong usaha-usaha yang dijalankan oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan lain-lain pertubuhan antara-bangsa untuk mengembalikan semula

hak-hak asasi manusia kepada rakyat Afrika Selatan. – Tengku Abdul Rahman.

*

Tujuh sifat yang baik untuk menjadi seorang ketua: mempunyai sifat-sifat ketua, rela memikul tanggungjawab, mempunyai akal yang sempurna, berani kerana benar, mendahulukan kepentingan orang ramai, adil saksama dalam semua perkara dan sabar. – Senator Aishah Ghani.

*

Rancangan menubuhkan Univiersiti Cina (di Malaysia) bukanlah dengan maksud semata-mata untuk tujuan untuk pengajian tinggi, tetapi juga ianya telah digunakan sebagai alat politik. Universiti Cina boleh didirikan di Singapura, tetapi tidak boleh di Malaysia, kerana keadaan kedua buah negeri ini berlainan. – Prof. Ungku Aziz.

*

Kaum wanita kita tidak perlu mengheboh-hebohkan masalah undang-undang berpoligami dan nafkah. Undang-undang itu semuanya telah tercatat dalam Islam. Cuma orang-orang yang jahil sahaja memekikkan hendak membuat undang-undang itu dan ini. – Syed Muhammad Edrus.

*

Kebudayaan Barat sedikit demi sedikit telah merebak masuk ke seluruh Asia, di mana wang, kecantikan dan pangkat merupakan satu syarat terpenting sekali dalam hidup. – Prof. Teuku Muhammad Usman El Muhammady. – dari Indonesia.

*

Bilangan wanita-wanita Islam yang menjadi pimpinan-pimpinan di dalam “Tabung Haji” adalah terlampau kecil jika dibandingkan dengan bilangan-bilangan kaum lelaki. Wanita-wanita Islam seharusnya hendaklah lebih ramai lagi tampil ke muka untuk

sama-sama berusaha ke arah ketinggian taraf ekonomi masyarakat Islam. – Nik Maimunah binti Yahya.

*

Malaysia adalah negara kita, dan ianya adalah tempat tinggal kita. Sebagai rakyat maka adalah menjadi tanggungjawab kita untuk meninggikan taraf hidup rakyat, menjamin perkembangan ekonomi dan juga menjamin bahawa semua rakyat akan mendapat faedah yang saksama untuk keharmonian kaum dan keamanan serta kemajuan. – Dr. Lim Swee Ann.

*

Kita tidak akan jujur kepada diri kita sendiri kalau kita tidak mengakui bahawa dalam menuju ke arah menjadi satu bangsa yang setia, kita terus-menerus meghadapai masalah-masalah yang sensitif. – Tun Abdul Razak (pada hari jadi).

*

Keruntuhan akhlak sekarang semakin menjadi-jadi, terutama sekali zina. Zina bukan sahaja berlaku di hotel-hotel bahkan di rumah-rumah *private* dan rumah-rumah tertentu, ini tidak mungkin dapat dibasmikan atau dikurangkan kalau benihnya tidak dapat dihapuskan. Benih-benih zina amatlah mewah dalam masyarakat kita. Perempuan-perempuan kita sangat berbangga dengan mendedahkan badan di tengah-tengah khalayak ramai. – Imam besar Masjid Negara. (dalam khutbah Aidil Adha).

*

Musuh pertama kaum penulis ialah jenis-jenis manusia yang *opportunist* dan berpura-pura untuk bekerja kerana masyarakat, di sebalik itu mereka telah sanggup menjadi tauke-tauke kayu balak untuk dialibabakan kepada taukenya dan menyerahkan pula keuntungannya itu kepada nyonya-nyonya muda. – Novelis Abdullah Sidek.